

Wawasan Dr M pupuk budaya tinggi

B/H 22/06/2018 M/S 11

Ketika kali pertama dilantik sebagai Perdana Menteri pada 1981 hingga 2003, Tun Dr Mahathir Mohamad memperkenalkan pelbagai slogan, dasar dan konsep baharu yang bukan sekadar ungkapan tetapi berjaya direalisasikan untuk manfaat negara.

Slogan seperti 'Bersih, Cekap dan Amanah', 'Setia', 'Boleh', dan 'Kepemimpinan Melalui Teladan' berjaya mencapai kejayaan yang jauh bezanya dengan slogan Perdana Menteri selepas beliau yang sekadar ungkapan tetapi tiada kejayaan.

Slogan 'Cemerlang, Gemilang dan Terbilang' yang diperkenalkan Tun Abdullah Ahmad Badawi ketika menjadi Perdana Menteri kurang berkesan dan tidak nampak kejayaannya, begitu juga 1Malaysia dan 'Wasatiyyah' (kesederhanaan) diasaskan Datuk Seri Najib Razak.

Dasar diperkenalkan Dr Mahathir pula adalah 'Dasar Pandang Ke Timur', 'Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam' dan 'Wawasan 2020' untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju mengikut acuan sendiri.

'Bersih, Cekap dan Amanah' serta 'Kepemimpinan Melalui Teladan' bermatlamat menerapkan nilai kebertanggungjawaban dan etika murni dalam kalangan kakitangan awam dan masyarakat keseluruhannya.

Tepati masa

Beliau juga memperkenalkan penggunaan 'kad perakam waktu' untuk memastikan penjawat awam menepati masa bekerja

Komentari



Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

yang kemudian turut diamalkan sektor swasta. Yang turut diperkenalkan adalah pemakaian tanda nama kepada kakitangan kerajaan.

Pengarah Institut Pemikiran Tun Dr Mahathir, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri, berkata slogan 'Bersih, Cekap dan Amanah' adalah ciri yang dituntut oleh Islam apabila setiap jawat awam, kakitangan kerajaan dan masyarakat perlu mengamalkan tiga perkara berkenaan.

Katanya, ini dengan sendirinya mendorong mereka menjauhi perkara yang dilarang agama dan bercanggah undang-undang seperti menerima rasuah, bekerja sambil lewa dan tidak menghormati pelanggan, sekali gus memperoleh rezeki halal.

Beliau berkata, begitu juga dengan 'Kepemimpinan Melalui Teladan' yang menerapkan amalan baik dicontohi daripada kepemimpinan Rasulullah SAW, pemimpin Islam dan pahlawan Melayu selagi ia tidak bercanggah dengan Islam.

"Slogan diasaskan Dr Mahathir sangat mudah dan boleh direa-

lisasikan serta tidak bersifat bombastik seperti 'Wasatiyyah' dan 'Hadhari'. Sebab itulah kita mudah melihat kejayaan slogan diasaskan Dr Mahathir.

Dr Ahmad Zaharuddin Sani berkata, pengenalan kad perakam waktu pula memudahkan sesuatu jabatan merekodkan kehadiran pegawai dan kakitangan mengikut masa ditetapkan.

Sebelum itu, ada pegawai kerajaan yang sukar ditemui pelanggan dan orang awam dan mereka gagal dikesan kerana tiada rekod keluar dan masuk pejabat.

"Dasar ini juga diterjemah daripada amalan Islam, iaitu menepati masa. Sembahyang tepat pada masanya. Apabila kad perakam waktu diperkenalkan, pegawai dan kakitangan kerajaan semakin berdisiplin dan menepati waktu," katanya.

Mengenai 'Dasar Pandang Ke Timur', Dr Ahmad Zaharuddin berkata, Jepun berkembang maju selepas peristiwa pengeboman Hiroshima dan Nagasaki pada 1945.

Walaupun hampir musnah sepenuhnya, Jepun kembali bangkit sehingga menjadi kuasa ekonomi dan teknologi yang boleh dicontohi oleh negara ini.

Katanya, di Jepun sesebuah syarikat yang mengiklankan kekosongan jawatan akan menemuduga calon berkenaan di lokasi perindustrian, bengkel atau makmal mereka bagi membolehkan bakal pekerja terbabit menyesuaikan diri dengan pekerjaan berkenaan.

"Inilah manfaat dasar berkenaan kepada Malaysia. Tidak hairanlah selepas dilantik semula sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir menjadikan negara itu sebagai

negara pertama dilawatinya," katanya.

Negara maju

Mengenai Wawasan 2020, Dr Ahmad Zaharuddin berkata, ada negeri yang sudah mencapai tahap negeri maju menepati Wawasan 2020 tetapi tidak diisytiharkan Perdana Menteri sebelum ini kerana mahu menyembunyikan kejayaannya.

"Wawasan 2020 tenggelam dengan dasar Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang diperkenalkan kerajaan sebelum ini, padahal Wawasan 2020 sudah dicapai di beberapa negeri. Insya-Allah ia masih boleh direalisasikan," katanya.

Kejayaan Malaysia menjulang Piala Thomas pada 1991 pula dikaitkan dengan slogan 'Boleh' yang juga dicipta Dr Mahathir. Malaysia ketika itu menewaskan Indonesia 3-2 dalam final. Kejayaan itu dirai selepas 25 tahun menunggu piala berprestij itu kembali ke tanah air.

Pemimpin veteran DAP, Lim Kit Siang sendiri memuji slogan 'Boleh' yang diasaskan oleh Dr Mahathir dan beliau bangga kerana slogan itu kini dicontohi oleh China.

Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri Ke-4 pada 16 Julai 1981, menyandang jawatan itu untuk tempoh yang paling lama dalam sejarah Malaysia dan Asia Tenggara, iaitu 22 tahun.

Beliau dikenali sebagai 'Bapa Pemodenan' di atas kejayaan menukarkan wajah Malaysia dari sebuah negara pertanian kepada negara perindustrian moden.

Dr Mahathir meletak jawatan

sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober 2003 dan digantikan Abdullah.

Bagaimanapun, pada 2016, Dr Mahathir muncul kembali dalam arena politik negara apabila menubuhkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) untuk menamatkan pemerintahan Barisan Nasional (BN).

Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) bulan lalu, Pakatan Harapan (PH) dianggotai PPBM, PKR, DAP dan Parti Amanah Negara (AMANAH) yang diketuai tokoh hebat negara itu berjaya menumbangkan BN.

Pada usia 93 tahun beliau dilantik semula sebagai Perdana Menteri, sekali gus menjadi Perdana Menteri tertua di dunia. Beliau diyakini mampu membawa negara ke era Malaysia baharu.

Mampu selamatkan negara

Sementara itu, Pensyarah Kanan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Madya Dr Jeniri Amir, berkata memang jelas slogan dan dasar diperkenalkan Dr Mahathir menjadikan negara dikagumi pada peringkat dunia.

"Ini berbeza dengan slogan seperti 1Malaysia; Cemerlang, Gemilang dan Terbilang dan Islam Hadhari yang tidak nampak kejayaannya. Slogan 1Malaysia misalnya gagal menyatupadukan rakyat, sebaliknya sentimen perkauman terus berlaku," katanya.

Justeru, kepemimpinan Dr Mahathir yang terkenal dengan ketegasan melaksanakan dasar dan slogan untuk manfaat negara diyakini mampu menyelamatkan negara daripada keruntuhan dan kerosakan.